

SUBHANALLAH ! SUBHANALLAH... ! MAU MASUK NERAKA?

Saya, barangkali juga orang ramai tidak sekali-kali menyangka bahawa rancangan UMNO mengadakan loteri itu yang telah diluluskan di dalam mesyuarat sesetengah tahun UMNO di Kuala Lumpur pada 24 March 1951 yang dibawa oleh Hussein Onn yang telah dipersetujui hampir-hampir dengan sebulat suara itu telah menjadi suatu perkara yang nampaknya luar biasa. Saya katakan luar biasa ialah kerana wakil pemuda UMNO, sebagaimana yang tersiar di dalam akhbar, yang telah cenderung sangat hendak mengadakan loteri itu kononya untuk faedah kebajikan kepada bangsa dan tanah air itu telah berkata : “Biar masuk neraka asalkan untuk kebajikan bangsa” – *La hau la wala quwata illa BiLlah.*

Melanggar Hukum Allah

(Oleh Edrus)

Saya fikir mula-mulanya perkataan itu bukannya perkataan daripada seorang Islam yang mempercayai kepada hukum-hukum Allah terutamanya pula harus tidak ada suatu teguran daripada penasihat agama UMNO tentang suatu lafaz yang nampaknya mencabar kepada hukum-hukum Allah yang sama sifatnya nampaknya seolah-olah ia berkata: Saya reda keluar daripada agama Islam, kerana mengikut hawa nafsunya. Berdiri bulu roma saya mendengar perkataan yang sedemikian itu dikeluarkan oleh orang yang jika dikatakan bukan Islam ia tentu akan marah kepada orang yang mengatannya itu.

Di dalam perkara masalah mengadakan loteri ini yang lebih menghairankan saya bahawa Penasihat Agama UMNO sendiri telah tidak memberi kenyataan yang tepat di atas perkara ini dan kerana itu saya telah menyiasat kepada beberapa orang sahabat saya untuk menghalusi keputusan menghalalkan barang yang haram itu tetapi semua sahabat-sahabat saya itu mengangkat bahu terpegun dan termenung seolah-olah kehairanan dan tidak percaya apa yang dibacanya di dalam akhbar itu kepada sikap penasihat agama UMNO tidak menerangkan barang yang terang haramnya itu.

Sepanjang pengetahuan dan pendapat sahabat-sahabat saya bahawasanya tidak ada satu dalih yang boleh melepaskan daripada haramnya kerana Allah Subhanahu wa Taala telah berfirman:

“*Ya ayyuhal lazina amanu innama al-khamar wa al-maisir wa al-ansob*




Ahli-ahli jawatankuasa UMNO di dalam persidangan setengah tahunnya atkala merunding dan menjalankan loteri. Mereka inilah tampaknya yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

“*Wa azlam rijsun min amal as-shaitan fajtanibuh la'allakum tuflihun* (al-Quran surah al-Maidah ayat 90), maksudnya lebih kurang: Hai orang-orang yang beriman bahawasanya khamar (arak), maisir (judi), ansob (berhala) dan al-azlam (bertilik) tidak lain daripada perkara yang keji dan perbuatan syaitan; dan oleh sebab itu hendaklah kamu jauhi akan dia. Mudah-mudahan kamu mendapat kejayaan.”

Di dalam ayat ini ada tersebut empat perkara yang keji dan kotor iaitu arak. Tiap-tiap benda cair yang dimasukan kemudian memabukkan itu dinamakan (1) arak. Minuman ini haram, banyak atau sedikit walaupun setitik.

(2) Berhala (ansob) iaitu batu yang disembah oleh kaum Jahilliah dan juga mereka sembelih binatang-binatang di atas sebagai korban.

(3) Bertilik (azlam). Maksudnya pelangkah atau undi pelangkah yang pada zaman Jahilliah diadakan orang tiga undi



Sebahagian daripada kaum ibu UMNO yang hadir di dalam persidangan setengah tahun UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur yang telah menghalalkan loteri itu.

Yang pertama ditulis: Tuhan suruh aku, yang kedua ditulis, Tuhan larang aku, dan yang ketiga kosong tak bertulis suatu pun; jika mereka hendak berlayar atau hendak mengerjakan sesuatu pekerjaan yang besar maka ia mengunjung atau memutar-mutar benda itu. Sekiranya di depannya yang bertulis yang pertama – “Tuhan suruh aku” maka mereka pun terus berjalan dan mengerjakan sesuatu yang hendak dikerjakan mereka. Jika keluar yang kedua ia tidak jadi berjalan dan tidak membuat sesuatu apa dan jika keluar yang kosong maka digonjangnya sekali lagi.

(4) Judi atau loteri (maisir). Ayat yang menegah berkenaan dengan maisir ini telah diriwayatkan oleh ahli-ahli tafsir bahawa sebab larangan itu datang kerana pada zaman Jahilliah ada suatu permainan yang digunakan dengan sepuluh undi nama-namanya (1) al-Fadz, at-Tuam (3) ar-Rakib (4) al-Halas, (5) an-Nafis, (6) Al-Misbil (7) al-Muala (8) al-Minbah (9) as-Safih dan (10) Al-Lud.

Di antara sepuluh nama itu tujuh diberi hadiah dan tiga yang menghabiskan itu kosong mereka sembelih seekor unta jantan, lalu mereka bahagi 28 bahagian. Kemudian mereka pisah-pisahkan satu bahagian untuk al-Fadz dua bahagian untuk at-Tuam tiga bahagian untuk ar-Rakib, empat bahagian untuk al-Halas, lima bahagian untuk an-Nafis, enam bahagian untuk al-Masil, dan tujuh bahagian untuk al-Muala. Semuanya 28 bahagian dan yang tiga lagi kosong. Sepuluh orang yang hendak mengadakan loteri itu berkumpul dan sepuluh

undi itu dimasukkan di dalam satu pundi-pundi daripada kulit atau lainnya kemudian diserahkan kepada orang yang adil. Orang yang adil ini mengunjung pundi-pundi tadi lalu dikeluarkannya satu undian kepada tiap-tiap seorang sehingga habis kesepuluhnya. Mereka yang mendapat undi yang ada hadiah-hadiahnya tadi boleh mengambil daging yang disediakan untuk hadiahnya dan tiga orang yang mendapat kosong itu hendaklah memberi ganti harga unta itu.

Menurut kelaziman mereka daging itu tidak boleh sekali-kali dimakan oleh orang yang menang – hendaklah disedekahkan kepada orang-orang miskin. Demikianlah loteri cara Jahilliah yang diturunkan ayat menegahnya seperti yang tersebut di dalam surah al-Maidah ayat 90 itu. Jika kita selidiki dengan saksama maka terang kepada kita bahawa loteri zaman Jahilliah itu adalah lebih baik dari loteri yang ada sekarang sebab yang mendapat faedahnya bukannya bagi mereka yang bermain tetapi bagi orang miskin. Mengapakah loteri yang berfaedah kepada orang miskin itu diharamkan?

Kebanyakan ulama-ulama memandang sungguhpun loteri cara Jahilliah itu hasilnya digunakan untuk derma tetapi derma yang diberi itu bukannya derma yang ikhlas sedang ikhlas itu ialah salah satu pokok ajaran Islam yang utama. Loteri secara itu ialah suatu pintu atau suatu sekolah permulaan bagi menyampaikan seseorang kepada berjudi dan ada banyak lagi sebab-sebab dan pasal-pasal yang menerangkan bahawa tidak baiknya loteri itu.

Bagi kita seseorang Islam sebab-sebab itu tidak begitu sangat mustahak kita selidiki kerana yang menjadi dasarnya ialah kepercayaan kita bahawa tiap-tiap yang diharamkan oleh Allah itu tentulah perkara yang tidak baik ataupun perkara-perkara yang akan membawa kepada jalan yang tidak baik. Dengan keterangan ini sudah nyata bahawa loteri itu haram dengan tepatnya dan tidak dapat didalihkan lagi.

Langkahan yang dilakukan oleh UMNO dengan tidak ditegur oleh penasihat agamanya menurut pandangan saya dengan keterangan-keterangan di atas tadi menggalakkan orang berjudi dan melanggar perintah-perintah Allah dengan terang-terang. Sungguhpun kita mengetahui banyak orang-orang Islam yang melanggar demikian dengan bersendirii-sendirinya yakni membeli loteri-loteri yang diadakan oleh "Persekutuan Cina Melaya" yang menjadi umpan supaya banyak orang memasukkan pertubuhannya itu rupanya hendak ditiru oleh orang-orang Islam pada hal yang demikian itu patut di jauhi yakni jika ahli-ahli UMNO masih mengaku dirinya dan sayangkan agama Islam. Saya katakan begitu oleh kerana ada nampaknya orang-orang yang telah redha hendak masuk neraka kerana melanggar barang yang sudah diharamkan. Perkara bersendirii-sendirii itu perkara seseorang tetapi mengadakan loteri itu lebih besar dosanya kerana membawa orang lain ke dalamnya.

Tetapi kalau kita pandang segala perkara-perkara yang berlaku, semua kejadian-kejadian yang ada di sekeliling UMNO dengan tujuan-tujuannya hendak mengubah dasar menjadi campur aduk sebagai suatu bangsa Malaysian maka bagi orang-orang yang beragama dan sayangkan agama lebih-lebih lagi sesudah melihat tindakannya menentang agama dari satu masa ke suatu masa dengan berterang-terang itu tidaklah pelik kalau mereka sekarang telah mulai menentang agama yang dahulunya disembunyikan oleh mereka, mereka berdiri kerananya bahkan sekarang juga mereka telah cuba menghabui sekali lagi mata orang-orang Islam dengan mengatakan bahawa UMNO akan berusaha meluaskan sekolah-sekolah agama di seluruh Semenanjung Tanah Melayu tetapi tetapi sebahagian daripada orang-orang mereka di Johor telah bekerja cuba menghapuskan sekolah-sekolah agama itu di satukan ke dalam sekolah Melayu bahkan lebih terang lagi nyata, dengan pengaruh-pengaruh

ahli-ahli mereka yang menjadi pegawai di dalam negeri Johor itu bahawa dalam tahun 1951 ini tidak ada tambahan skim bagi sekolah-sekolah agama, tidak ada tambahan bagi guru-guru agama oleh kerana konon-kononnya tidak cukup selenggaraan tetapi bagi lain bahagian pelajaran gurunya bertambah, skimnya berlipat.

Dengan ini adakah kita boleh percaya, adakah kita boleh mempercayai segala anjuran-anjuran untuk agama yang dirancangkan oleh UMNO itu? Tidakkah kita telah melihat di dalam beberapa perkara yang besar-besar atau kecil bahawasanya UMNO telah mengecilkan perkara agama ataupun membelakangkannya sekali? Bahkan tidakkah kita melihat pula bahawa hukum agama Allah telah dilanggar oleh UMNO? Kalau sudah ada di antara ahli-ahli agama di dalam UMNO itu menyertainya bagaimana kita boleh membetulkannya lagi? Hal yang demikian ini saya pulangkan kepada perhatian mereka yang cinta kepada agamanya yang beriman kepada Allah bekerja untuk menegakkan syiar Islam dengan di dalamnya tidak ada tipu daya atau tidak ada kebangsaan yang berlawanan dengan Islam.

Tetapi di dalam apa-apa hal pun kita masih mempunyai harapan yang besar kepada penasihat agama UMNO yang kuat berpegang kepada syarak Islam itu mendirikan hak-hak syarak itu dan kita berharap dalam sedikit masa lagi terbukti apa yang kita harapkan itu untuk faedah kita bersama.

Insafilah jika mahu insaf ?

Rasulullah (SAW) pernah membaca ayat – selamatkan diri kamu dan ahli-ahli kamu daripada (seksa) neraka – kemudian sahabat-sahabat bertanya: "Ya Rasullullah "bagaimanakah (cara) kami menyelamatkan ahli-ahli kami daripada (seksa) neraka?" Rasullullah (SAW) menjawab : "Kamu suruh mereka (mengerjakan) barang yang disukai Allah, dan tegah mereka itu (mengerjakan) barang yang dicintai Allah" (Hadis Riwayat Ibnu Marduyah).

-----*-----*-----

Orang yang berkuasa ia boleh berbuat semahu-mahunya dan berkata sekehendaknya jua dengan tidak memandang sesuaikah perkataannya atau perbuatannya itu kepada orang ramai. Tetapi ingatlah bahawa Tuhan tidak akan membiarkan perbuatannya itu.